



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(128)

SIARAN MEDIA

DOF PERAK LABUH 12 TUKUN TIRUAN TINGKAT SUMBER PERIKANAN NEGARA

30 JUN 2024, LUMUT – Duli Yang Amat Mulia Raja Iskandar Dzurkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah D.K., D.K II (Johor), D.K.A II., P.S.M., S.P.C.M., S.S.D.K, Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan berkenan berangkat melancarkan Program Melabuh Tukun Tiruan di Perairan Kepulauan Sembilan, Perak.

12 unit tukun dasar lembut penghalang pukut tunda (TDL-AT) bernilai RM370,660.00 dilabuhkan bagi tujuan konservasi serta mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan tidak mesra sumber di kawasan perairan pantai.

Jabatan Perikanan (DOF) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM 1.26 juta kepada negeri Perak bagi pembangunan dan pemantauan tukun tiruan sepanjang RMKe-11 hingga RMKe-12 (2019 hingga 2024). Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 47 unit tukun telah dilabuhkan di empat lokasi yang berbeza di perairan negeri Perak.

Pembangunan tukun tiruan di Malaysia adalah sebahagian usaha kerajaan melalui DOF bagi memulihara biodiversiti marin serta memastikan pengurusan sumber perikanan sentiasa mampan dan terjamin. Hasil melabuh tukun ini juga dapat memberi manfaat kepada 18,217 orang nelayan di negeri Perak.

Hadir sama YB Tuan Azman Noh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Baharu, Encik Sukri Deris, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan serta Haji Mohd Ghazali A. Manap, Pengarah Perikanan Negeri Perak.

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my